



Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

REKOD SIMPANAN : PPPKMP Cawangan Kuantan
Di alamat Premis Perniagaan Setiausaha LIYANA SWEETLAND SDN BHD
A7, Kawasan Perindustrian IKS PKPP, PPD Kg Soi, Jalan Pantai Sepat
25150 Kuantan, Pahang. HP : 013-9327044 / 013-5337044



pppkmpkuantan@gmail.com




pppkmpkuantan.weebly.com



Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

UNDANG-UNDANG DIDAFTAR MENURUT
SIJIL BIL : 1048-12-PMG
TARIKH : 24.05.2012

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

PERLEMBAGAAN PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

1. NAMA, ALAMAT POS, TEMPAT MESYUARAT DAN LOGO

a) Nama

Persatuan ini dikenali dengan nama PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG(2012) Ringkasnya PPPKM. Selepas ini disebut 'Persatuan'.

b) Ibu Pejabat Persatuan ini ialah di No. 1, Tingkat 1, Jalan Bandar, 28300 Triang, Bera Pahang Darul Makmur. Alamat berdaftar dan alamat surat menyurat PPPKM tidak boleh diubah tanpa kebenaran oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu. Jawatankuasa Pusat boleh membuat permohonan pertukaran alamat kepada Pendaftar Pertubuhan.

c) Logo

Rekabentuk adalah seperti berikut:

Satu bulatan yang mempunyai lekuk kecil disekelilingnya. Lekuk kecil ini bererti 14 buah negeri di dalam Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan. Di dalam bulatan ini ada satu bulatan lagi di sebelah kanannya tanda tumbuhan.

Di sebelah bawahnya pula gambar kereta sorong. Di bawah ringgit dan tumbuhan, terletak satu buku yang terbuka. Di sebelah bawah bulatan besar tadi gambar dua tangan yang bererti perpaduan Persatuan-Persatuan Negeri dan bulatan itu ditatang oleh dua tangan tersebut. Di tengah-tengah gambar dua (2) tangan itu tertulis perkataan GABUNGAN dan di bawahnya tertulis huruf PPKM

Logo sepertimana lampiran.

2. TUJUAN-TUJUAN DAN MATLAMAT PERSATUAN

- Menyatupadu dan mengukuhkan ikatan muhibbah serta bersama-sama dengan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil, tuan-tuan punya syarikat-syarikat kecil dan orang berketurunan melayu serta mengukuhkan semangat kerjasama, tolong menolong untuk meningkatkan taraf perniagaan sesama ahli dari semasa ke semasa.
- Tolong menolong dalam segala lapangan penjaja-penjaja dan perniagaan untuk meninggikan taraf hidup bagi ahli-ahlinya serta mencegah dari kemiskinan dan kemelantaran.
- Mengadakan pakatan kebajikan seperti mengutip derma-derma bagi membantu sesama ahli atau keluarga ahli-ahli selain daripada khairat kematian.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- d) Menubuhkan Tabung Kewangan/Tabung Pembangunan Persatuan, mendapatkan peluang-peluang pelaburan, mendapatkan perniagaan daripada kerajaan, pihak swasta dan seumpamanya bagi kepentingan ahli-ahli Persatuan.
- e) Berusaha bagi mendapatkan projek-projek pembangunan untuk faedah ahli-ahli seperti rumah/kedai untuk pejabat persatuan, mendapatkan tanah untuk projek pertanian atau projek perumahan untuk ahli-ahli Persatuan.
- f) Persatuan ini boleh menerima mana-mana persatuan yang ingin bergabung dengannya dengan syarat mestilah membayar yuran gabungan sebanyak RM200.00 seperti perkara 20(c) dan mereka berhak menghantar Pengerusi sebagai wakil di AJK Pusat.
- g) Persatuan ini hendaklah menjadi ahli gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia di mana Yang Dipertua dan Setiausaha Agung menjadi wakil tetap ke Gabungan PPPKM.

3. PENANGUNG DAN PENASIHAT

- a) Persatuan ini mempunyai seorang Penaung iaitu YAB Menteri Besar Pahang.
- b) Persatuan ini juga mestilah mempunyai tidak lebih daripada 5 orang penasihat terdiri daripada mereka yang mempunyai hubungkait dengan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil melayu. Perlantikan mereka seperti yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persatuan ini seperti berikut:
 - i) YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
 - ii) YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang
 - iii) YB Pegawai Perancang Ekonomi Negeri Pahang
 - iv) EXCO Negeri yang berkaitan
 - v) Pegawai MARA Negeri Pahang
- c) Bagi Cawangan Persatuan, Penaungnya adalah terdiri dari seorang Ahli Parlimen Melayu atau Ahli Undangan Negeri Melayu bagi kawasan berkenaan dan penasihat pula terdiri daripada tiga orang yang ada hubung kait dengan Penjaja dan peniaga kecil melayu seperti Ahli Dewan Undangan Negeri, Penghulu atau orang Melayu yang layak di kawasan berkenaan. Perlantikan mereka mestilah dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Cawangan berkenaan.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

4. KEAHLIAN

Ahli-ahli Persatuan ini hendaklah terdiri daripada penjaja-penjaja dan peniaga kecil melayu ataupun syarikat-syarikat kecil melayu yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), berdaftar dengan mana-mana pihak Berkuasa Majlis Perbandaran atau Daerah, Majlis Tempatan dan Gugusan Felda. Mereka ini hendaklah berusia tidak kurang dari 18 tahun, lelaki atau perempuan, tidak mufis dan menjalankan aktiviti pemiagaan di dalam Negeri Pahang Darul Makmur.

a) Ahli Biasa

Ahli biasa ialah seorang ahli yang memohon keahlian melalui cawangan. Ahli biasa berhak mengundi dan diundi, mestilah terdiri daripada orang yang berketurunan melayu sahaja mengikut Perlembagaan 160 Perlembagaan Malaysia yang memiliki kewarganegaraan Malaysia.

b) Ahli Terus

Ahli Terus ialah ahli yang memohon terus melalui Ahli Jawatankuasa Pusat dan tidak melalui cawangan.

Seorang Ahli Terus hendaklah seorang ahli Persatuan yang tidak menjadi ahli cawangan dan seorang wakil ahli-ahli ialah seorang wakil yang dilantik oleh Ahli-ahli Terus.

c) Ahli Kehormat

Ahli Kehormat ialah ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pusat yang terdiri daripada bumiputera melayu warganegara Malaysia yang telah banyak berjasa, memberi sokongan-sokongan, bantuan-bantuan dan tunjuk ajar kepada Persatuan. Ahli-ahli kehormat tidak dikenakan yuran kecuali sumbangan peribadi dan derma-derma dan Ahli Kehormat tidak berhak mengundi dan diundi.

5. SYARAT-SYARAT MENJADI AHLI

a) Permohonan untuk menjadi ahli Persatuan ini hendaklah dengan mengisi Borang Permohonan Menjadi Ahli yang disediakan oleh PPPKMP cawangan bagi Ahli biasa atau PPPKMP Pusat bagi Ahli Terus. Keputusan samada diterima atau ditolak menjadi ahli akan dimaklumkan oleh Ahli Jawatankuasa cawangan atau Pusat dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan diterima.

b) Yuran keahlian adalah seperti berikut:

Bayaran masuk menjadi ahli
Bayaran Yuran Tahunan
Bayaran Yuran seumur hidup

RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja)
RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh sahaja)
RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja)





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- c) Ahli baru hendaklah membayar Yuran masuk dan Yuran Tahunan untuk tempoh satu tahun setelah permohonan menjadi ahli diterima.
- d) Semua bayaran keahlian hendaklah dibayar kepada Bendahari atau Yang dipertua atau Setiausaha Agung sekiranya cawangan belum ditubuhkan.
- e) Ahli yang sengaja tidak membayarnya lebih dari satu penggal (1 tahun) akan diberi surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung atau wakilnya atau Setiausaha cawangan dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga semua hutangnya dibayar.
- f) Ahli-ahli yang sengaja tidak membayar hutang yurannya melebihi dua penggal (2 tahun) dengan sendirinya akan terlucut menjadi ahli Persatuan ini dan Jawatankuasa Pusat boleh mengambil tindakan yang sah terhadapnya dengan syarat notis dan peringatan telah diberikan terlebih dahulu dengan menyertakan hutang-hutangnya. Jawatankuasa Pusat boleh mengesahkan terhentinya menjadi ahli.
- g) Jawatankuasa Pusat sahaja yang mempunyai kuasa untuk menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah sengaja membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang atau sebab-sebab lain yang bersangkutan dengan perlembagaan ini.
- h) Yuran-yuran khas atau kutipan daripada ahli-ahli untuk perkara tertentu boleh dihalalkan dengan persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Persatuan. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut di dalam masa yang telah ditetapkan, maka wang itu telah dianggap sama seperti Yuran Keahlian.

6. PEMBERHENTIAN

Ahli-ahli yang hendak berhenti daripada Persatuan ini hendaklah memberi kenyataan bertulis satu bulan terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung atau Setiausaha Cawangan dengan membayar segala hutang-hutangnya kepada Persatuan.

7. PEMECATAN MENJADI AHLI

Seseorang ahli Persatuan ini boleh dipecat dari menjadi ahli sekiranya didapati melanggar peraturan-peraturan atau tidak mematuhi Perlembagaan Persatuan ini dan pemecatan ini hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

8. MESYUARAT PERWAKILAN

- a) Pentadbiran Persatuan ini terserah kepada Mesyuarat Agung Perwakilan yang mengandungi wakil-wakil cawangan dan wakil-wakil Ahli Terus dan Ahli Jawatankuasa Pusat. Seorang ahli Persatuan bukan wakil (pemerhati) dengan persetujuan yang Dipertua boleh hadir di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan tetapi tidak boleh bercakap atau mengundi.
- b) Wakil-wakil cawangan hendaklah dilantik tiap-tiap tahun oleh cawangan masing-masing dan mereka boleh dilantik semula. Setiap cawangan hendaklah melantik seorang wakil bagi dua puluh (20) ahli yang pertama atau sebahagian daripada jumlah itu dan seorang wakil lagi bagi tiap-tiap dua puluh (20) ahli biasa yang kedua dengan syarat jumlah wakil setiap cawangan tidak melebihi tujuh orang sahaja yang mana ahli-ahli berkenaan mestilah telah menjelaskan Yuran Tahunan mereka.
- c) Wakil-wakil ahli terus hendaklah dilantik setiap tahun oleh ahli-ahli terus dan mereka boleh dilantik semula. Seorang wakil boleh dilantik bagi dua puluh orang ahli terus yang pertama atau sebahagiannya dan tambahan seorang wakil bagi dua puluh orang ahli terus yang kedua dengan syarat jumlah perwakilan tidak melebihi tujuh orang sahaja.
- d) Ahli Jawatankuasa Pusat tidak boleh dilantik menjadi wakil Cawangan atau wakil ahli-ahli terus terkecuali memberi undi pemutus oleh Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua sebagai Pengerusi, hanya wakil-wakil dan ahli jawatankuasa Pusat sahaja yang boleh mengundi dalam Mesyuarat Agung Perwakilan.
- e) Korum untuk mesyuarat dianggap cukup jika wakil-wakil yang hadir tidak kira jumlahnya berjumlah lebih daripada jumlah wakil-wakil bagi setengah bilangan cawangan-cawangan dan lebih daripada setengah jumlah ahli-ahli terus Persatuan.
- f) Jika korum tidak mencukupi selepas 30 minit daripada waktu yang ditetapkan oleh Mesyuarat, maka mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan ke satu tarikh (tidak lebih daripada 14 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat. Jika korum masih tidak mencukupi selepas 30 minit daripada waktu yang ditetapkan oleh Mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka mesyuarat itu boleh dijalankan oleh ahli-ahli yang hadir tetapi mesyuarat tersebut tidak boleh mengubah undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli.
- g) Mesyuarat Agung Perwakilan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhir Tahun Kewangan dan hendaklah tidak lewat daripada 31 Julai setiap tahun. Tarikh, masa dan tempat akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pusat. Kerja kerja Mesyuarat Agung Perwakilan ialah:
 - i. Menerima Laporan Jawatankuasa Pusat berkenaan dengan kerja-kerja Persatuan di dalam tahun yang lalu.
 - ii. Menerima Laporan Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
 - iii. Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- h) Pengumuman awal kerana Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan yang menerangkan tarikh, masa, tempat dan maklumat untuk memberi usul yang hendak dibincangkan seperti usul untuk meminda undang-undang dan pencalonan untuk memilih Ahli Jawatankuasa Pusat, ianya hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada setiap Setiausaha Agung Cawangan tidak lewat dari 30 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat dan pengumuman ini hendaklah ditunjukkan supaya jelas kelihatan di Pejabat Persatuan yang telah didaftarkan. Tiap-tiap Setiausaha Cawangan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Cawangan tidak lewat daripada 14 hari setelah menerima arahan awal.
- i) Nama-nama wakil, pencalonan untuk pemilihan Pegawai-pegawai dan usul untuk dibincangkan di dalam mesyuarat hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan atau ahli-ahli bersendirian supaya sampai kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada 20 hari selepas pengumuman mesyuarat.
- j) Setiausaha Agung hendaklah mengadakan mesyuarat dengan ahli-ahli terus kurang daripada 25 orang sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Agung Perwakilan kerana melantik wakil-wakil.
- k) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum diadakan mesyuarat, satu agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat, laporan-laporan, cadangan-cadangan dan pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai berserta dengan penyata kira-kira persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini hendaklah diberikan kepada tiap-tiap wakil cawangan dan wakil-wakil ahli-ahli terus dan salinan surat-surat ini boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli dari alamat berdaftar Persatuan ini atau di pejabat Cawangan.
- l) Mesyuarat Agung Khas Persatuan ini boleh diadakan:
 - a. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Pusat, atau;
 - b. Ada permintaan bertulis dari ahli-ahli jawatankuasa bagi lima cawangan atau lebih.
- m) Mesyuarat Agung Khas Perwakilan yang diminta oleh cawangan-cawangan hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permintaan Mesyuarat.
- n) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas Perwakilan itu hendaklah diedarkan kepada semua Setiausaha Cawangan dan Setiausaha Agung sekurang-kurangnya 15 hari sebelum mesyuarat.
- o) Fasa 8(e) dan 8(f) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas Perwakilan, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas Perwakilan itu atas permintaan cawangan-cawangan maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh mesyuarat Agung Khas Perwakilan yang dipohon itu dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- p) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada semua Setiausaha Cawangan salinan rangka peringatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan atau Mesyuarat Agung Khas Perwakilan dengan seberapa segera setelah selesai Mesyuarat itu.

9. JAWATANKUASA PUSAT

- a) Satu Jawatankuasa Pusat seperti berikut yang dinamakan Pegawai-pegawai Persatuan hendaklah dipilih tiga (3) tahun sekali:

1) Di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan:

- i. Seorang Yang Dipertua
- ii. Seorang Timbalan Yang Dipertua
- iii. Seorang Naib Yang Dipertua.
- iv. Termasuklah perkara 13 (a) Perlembagaan ini.

2) Di lantik dengan kuasa, pandangan dan perkiraan Yang Dipertua:

- i. Seorang Setiausaha Agung
- ii. Seorang Penolong Setiausaha Agung
- iii. Seorang Bendahari Agung
- iv. Seorang Ketua Penerangan
- v. Seorang Ketua Niaga Wanita
- vi. Lima (5) orang ahli Jawatankuasa Biasa terdiri daripada ahli biasa yang aktif

3) Pengerusi Cawangan dengan sendirinya menjadi ahli Jawatankuasa Pusat.

4) Pemegang-pemegang jawatan persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas Persatuan ini mestilah warganegara Malaysia.

- b) Nama bagi jawatan di atas seperti perkara 9 (a) (1) hendaklah dicadang, disokong dan pemilihannya dijalankan 3 tahun sekali dengan cara mengundi (undi sulit) oleh ahli-ahli Perwakilan dan Ahli Jawatankuasa Pusat di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kecuali perkara 9(a)(2) iaitu lantikan oleh Yang Dipertua dan perkara 9(a)(3) juga terdiri dari Pengerusi Cawangan-Cawangan.

- c) Pekerjaan Jawatankuasa Pusat ialah Pengelola dan mengatur kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan persatuan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan. Jawatankuasa Pusat seharusnya tidak boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Pusat mestilah taat keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan. Jawatankuasa Pusat hendaklah memberikan laporannya berkenaan kegiatan-kegiatan di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- d) Jawatankuasa Pusat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan dan 7 hari pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa. Yang dipertua dengan bersendirian atau tidak kurang dari tiga (3) Ahli Jawatankuasa Pusat bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan Mesyuarat dan mencukupkan korum mesyuarat.
- e) Ahli Jawatankuasa Pusat yang mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut, tanpa memberitahu dan tanpa alasan yang memuaskan akan di sifatkan sebagai telah meletakkan jawatan dalam Jawatankuasa Pusat.
- f) Jika seorang ahli Jawatankuasa Pusat telah meninggal dunia atau meletakkan jawatan, Jawatankuasa Pusat berhak melantikmana-mana Setiausaha Cawangan atau Ahli Jawatankuasa Cawangan atau Ahli Biasa Cawangan yang difikirkan layak bagi mengisi kekosongan seperti perkara 9 a (2) 16 c(v) Peraturan ini, maka ahli biasa cawangan itu bolehlah dipindahkan menjadi ahli Terus. calon yang kedua mendapat undi terbanyak dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa Pusat melantik ahli lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan diadakan.
- g) Jawatankuasa Pusat boleh memberi perintah kepada Setiausaha Agung dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan-urusan Persatuan. Jawatankuasa Pusat boleh menggantung dan melucutkan jawatan sebagai Pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Pusat atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.
- h) Jawatankuasa Pusat boleh memberi perintah kepada pengamanah berkenaan kegunaan atau penjualan harta persatuan yang tetap.
- i) Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agung Perwakilan-perwakilan, Jawatankuasa Pusat boleh memberi tafsirannya kepada Undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak tersebut di dalam undang-undang ini.
- j) Kecuali perkara –perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa Pusat terhadap ahli – ahli adalah muktamad, jika atau sehingga tidak dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan.
- k) Jawatankuasa Pusat akan berkuasa melantik beberapa Jawatankuasa kecil tetap atau khas bagi mengelolakan kesemua perkara-perkara yang mengenai muslihat dan kebajikan kesemua ahli-ahli Persatuan ini. Yang DiPertua menurut haknya akan menjadi Pengerusi semua Jawatankuasa kecil yang di lantik.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

10. KEWAJIPAN – KEWAJIPAN PEGAWAI

a) Yang DiPertua

Yang DiPertua dalam masa jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung Perwakilan-Perwakilan dan semua Mesyuarat Jawatankuasa Pusat juga setiap perjumpaan penubuhan cawangan-cawangan seperti perkara 15(a) dan bertanggung jawab atas keputusan perjalanan mesyuarat-mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani Peringatan-peringatan mesyuarat bila diluluskan.

b) Timbalan Yang Dipertua

Timbalan Yang Dipertua hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaan Yang DiPertua.

c) Naib Yang Dipertua.

Naib Yang Dipertua hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua.

d) Setiausaha Agung

Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kerja-kerja Persatuan mengikut undang-undang seperti memanggil Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa dan hendaklah dia menjalankan perintah-perintah Mesyuarat-Mesyuarat Agung Perwakilan dan Jawatankuasa Pusat. Dia juga bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat menyurat, mencatat minit perjalanan mesyuarat dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat, kertas-kertas, harta benda, dokumen-dokumen persatuan dan lain-lain berkaitan Persatuan kecuali kira-kira kewangan dan buku-buku kewangan. Setiausaha Agung hendaklah juga menyimpan buku daftar kehadiran mesyuarat yang mengandungi butiran seperti berikut:

- i) Nama anggota
- ii) Nombor Kad Pengenalan
- iii) Alamat dan Nombor Telefon
- iv) Daftar Niaga Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- v) Lain-lain yang difikirkan sesuai

e) Penolong Setiausaha Agung

Penolong Setiausaha Agung hendaklah menolong Setiausaha Agung dan memangku menjalankan tugas-tugas Setiausaha Agung semasa ketiadaannya.

f) Bendahari Agung

Bendahari adalah dipertanggungjawabkan berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Dia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan dengan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan dan kebetulannya. Dia hendaklah menandatangani semua cek-cek Persatuan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Setiausaha Agung.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- g) Ketua Penerangan
Ketua Penerangan memberi penerangan mengenai perjalanan Persatuan, kaedah-kaedah serta peluang-peluang perniagaan kepada ahli-ahli Persatuan.
- h) Ketua Niaga Wanita
Berfungsi sebagai penggerak kaum wanita niaga yang bertujuan mendidik seperti mengadakan pelbagai kursus juga kemahiran terutama mengenai kesihatan diri dan keluarga. Dengan kemahiran yang ada dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi keluarga.

11. KEWANGAN

- a) Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukkan berikut bagi undang-undang ini, wang Persatuan boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, pejabat, perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji dan upah memeriksa akaun persatuan dan perbelanjaan yang difikirkan sesuai oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan. Walaubagaimanapun, ianya tidak boleh digunakan untuk membayar denda anii yang dijatuhkan hukuman mahkamah.
- b) Bendahari Agung dibolehkan menyimpan wang ditangan tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja) pada satu masa. Wang yang lebih daripada itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa dalam tempoh tujuh hari. Kira-Kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
- c) Segala cek-cek bayaran atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang DiPertua, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Jika ketiadaan Setiausaha Agung dan Bendahariagung, maka bolehlah Jawatankuasa Pusat melantik sesiapa sahaja di antara mereka sebagai pengganti untuk menurunkan tandatangan. Kuasa menandatangani cek-cek adalah terdiri daripada Yang DiPertua, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung dimana Bendahari Agung adalah wajib atau dua (2) daripada tiga (3) penama tersebut.
- d) Perbelanjaan melebihi RM2000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar tanpa merujuk kepada Jawatankuasa Pusat terlebih dahulu dan perbelanjaan yang melebihi RM5000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) sebulan tidak boleh diluluskan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung Perwakilan terlebih dahulu. Jawatankuasa Pusat hendaklah mengemukakan peruntukkan anggaran perbelanjaan ke dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan ke dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan bagi kegunaan persatuan terutama kepada perkara-perkara 23 Perlembagaan.
- e) Mesyuarat Agung Perwakilan Persatuan boleh mencadangkan anggaran perbelanjaan pentadbiran atau pemilikan harta bagi tahun hadapan.
- f) Tahun Kewangan Persatuan ini hendaklah bermula pada 01 Januari dan berakhir pada 31 Disember.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

12. KUASA MEMINJAM WANG

PPPKMP boleh meminjam wang dengan institusi kewangan atau kerajaan dengan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Pusat dengan meminjam sejumlah wang diperlukan bagi menjalankan perniagaan atau membeli harta tetap bagi faedah PPKM Pahang, (rujuk perkara 23).

13. PEMERIKSA KIRA – KIRA

- a) Dua orang yang bukannya pegawai-pegawai Persatuan boleh dilantik 3 tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka memegang jawatan selama 3 tahun dan boleh dilantik semula.
- b) Pemeriksa Kira-Kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan Pusat dan cawangan-cawangan bagi bila-bila masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Pusat.

14. PENGAMANAH

- a) Tiga (3) orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah di lantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan dan mereka akan berkhidmat selama yang di kehendaki oleh Persatuan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Persatuan dengan menandatangani satu surat amanah dan mereka akan menguruskan harta Persatuan mengikut cara yang di perintahkan oleh Jawatankuasa Pusat.
- b) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan-perwakilan.
- c) Seorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung Perwakilan atas sebab uzur, kerana sakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia boleh dipecat. Jika berlaku kematian, perletakkan jawatan atau pembuangan bagi seorang bagi seorang pengamanah sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan, maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Ahli Jawatankuasa Pusat sehingga Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan seperti para 9 (a) iv.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

15. PEMBUBARAN

- a) Sekiranya Persatuan ini hendak dibubarkan maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan.
- b) Persatuan hanya boleh dibubarkan di dalam satu Mesyuarat Agung Perwakilan dengan persetujuan tidak kurang daripada empat per lima (4/5) jumlah semua wakil ahli – ahli.

16. PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN - CAWANGAN

- a) Jawatankuasa Pusat boleh menubuhkan cawangan di setiap daerah, Bandar dan pekan kecil seperti berikut dengan melantik seorang Pengerusi sementara (Penaja) di cawangan tersebut:
 - i) Bandar seperti Bandar-bandar Kuala Lipis, Raub, Bentong, Temerloh, Mentakab, Jerantut, Bandar Jengka, Maran, Kuantan, Bandar Indera Mahkota, Pekan, Rompin, Muadzam Shah, Cameron Highland, Bera, Triang dan pekan-pekan besar yang diiktiraf Bandar oleh Kerajaan.
 - ii) Bandar Kecil seperti Padang Tengku, Kuala Tahan, Kuala Krau, Kerdau, Dong, Lanchang, Sri Jaya, Kemayan, Bandar Tun Razak Kratong, Gambang, Beserah dan lain-lain kawasan yang membangun dan diiktiraf pekan Kecil kecil
 - iii) Gugusan Felda seperti Gugusan Mempaga, Jengka, Kuantan, Mendi dan yang berkaitan kawasan gugusan Felda di Pahang
- b) Setiap cawangan mempunyai sekurang-kurangnya dua puluh (20) orang ahli biasa di setiap satu cawangan di mana setiap perjumpaan penubuhan cawangan hendaklah dipengerusikan oleh Yang DiPertua Pusat seperti perkara 10 (a). Penubuhan cawangan hendaklah dimaklumkan dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.
- c) Jawatankuasa Pusat boleh membubarkan cawangan-cawangan:
 - i. Jika bilangan ahli Biasa merosot di dalam masa enam bulan berturut-turut kurang daripada dua puluh orang (20), atau;
 - ii. Jika cawangan tidak patuh kepada undang – undang dan peraturan Persatuan atau tidak patuh kepada keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan atau didapati bersalah oleh Jawatankuasa Pusat kerana perbuatan dan tindakan cawangan berkenaan merosakkan Persatuan.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- d) Keputusan membubarkan cawangan hendaklah dengan undi terbanyak cawangan-cawangan di dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat dengan syarat sebelum diambil keputusan membubarkan cawangan dengan sebab yang disebutkan di dalam perenggan 16(b)(ii) di atas, cawangan yang berkenaan hendaklah diberitahu dengan satu notis/kenyataan dalam masa 30 hari terlebih dahulu dan diberi peluang untuk menjawab notis yang dikemukakan kepadanya.
- e) Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Cawangan tidak boleh mengadakan apa-apa kegiatan Persatuan mulai dari tarikh menerima perintah kecuali urusan-urusan berkaitan pembubaran. Cawangan yang musykil atas perintah pembubaran oleh Jawatankuasa Pusat boleh merayu dengan kenyataan bertulis kepada Setiausaha Agung di dalam masa 30 hari daripada notis pembubaran. Walaupun rayuan telah dibuat, namun perintah pembubaran masih berjalan dengan kuasanya sehingga dibatalkan perintah pembubaran itu; tetapi di dalam keadaan yang demikian Jawatankuasa Pusat boleh melantik satu Jawatankuasa Pengurus dari kalangan ahli-ahli untuk menguruskan hal-hal cawangan itu sementara menunggu rayuan dipertimbangkan.
- f) Jika satu cawangan itu ditutup kerana sebab yang disebut dalam fasal 16 c(ii) Peraturan ini, maka Jawatankuasa Pusat hendaklah memindahkan ahli-ahli yang ada kepada ahli terus. Jika cawangan ditutup kerana sebab di dalam fasa 16(c)(iii) Peraturan ini maka ahli-ahli akan terhenti menjadi ahli Persatuan ini.
- g) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari bagi Cawangan itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buk-buku, rekod-rekod, wang dan lain-lain harta yang dimiliki oleh cawangan itu berserta dengan satu keterangan kira-kira cawangan mulai tarikh akhir Penyata Kira-Kira itu dihantar sehingga tarikh perintah penutupan.
- h) Jika satu cawangan hendak keluar dari Persatuan, maka pegawai-pegawai cawangan itu dengan serta merta mestilah menyerahkan kepada Setiausaha Agung semua buku-buku, rekod-rekod, wang dan semua harta Persatuan dan seterusnya menyediakan dan menyerahkan penyata Kira-Kira Kewangan kepada Setiausaha Agung seperti di dalam fasa 16(g) di atas.

17. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- a) Tiap-tiap Ahli Biasa Cawangan Persatuan berhak menghadiri, bercakap, membawa usul/cadangan, mengundi dan dilantik memegang apa-apa jawatan atau dilantik menjadi wakil dalam sebarang Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- b) Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan akan diadakan tidak lewat daripada 14 hari selepas menerima notis pemberitahuan yang awal mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan PPKM Pahang; supaya pemberitahuan mengenai masa, tarikh dan tempat akan diberikan kepada ahli-ahli tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- c) Perjalanan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dan semua keputusan-keputusan diambil di dalam Mesyuarat tersebut dianggap sah sekiranya pegawai-pegawai Kanan Jawatankuasa Pusat hadir atau wakil-wakil yang dilantik oleh Jawatankuasa Pusat hadir sebagai pemerhati sah Jawatankuasa Pusat dalam Mesyuarat Agung Tahunan cawangan tersebut.
- d) Kerja-Kerja Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan ialah:
 - i) Menerima Laporan Jawatankuasa Cawangan berkenaan dengan kerja-kerja Persatuan di dalam tahun lalu.
 - ii) Menerima Laporan Bendahari Cawangan dan Kira-Kira Kewangan yang telah diaudit bagi tahun lepas.
 - iii) Melantik wakil-wakil Ahli ke Mesyuarat Agung Perwakilan PPPKMP untuk tahun hadapan.
 - iv) Melantik ahli Jawatankuasa Cawangan dan Pemeriksa Kira-Kira Cawangan untuk tiga tahun.
 - v) Membahas usul-usul/cadangan-cadangan yang telah dibentangkan cawangan ke Mesyuarat Perwakilan Pusat (PPPKMP).
- e) Pemegang-pemegang jawatan cawangan dalam Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas pentadbiran Persatuan Cawangan ini hendaklah Warganegara Malaysia.
- f) Suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan boleh diadakan:
 - i. Atas Perintah Jawatankuasa Pusat PPPKMP atau;
 - ii. Apabila Jawatankuasa Cawangan fikirkan mustahak dengan memberitahu Jawatankuasa Pusat terlebih dahulu; atau
 - iii. Atas permintaan daripada tidak kurang daripada setengah ahli-ahli biasa cawangan dengan menyatakan tujuan dan sebab hendak diadakan mesyuarat itu.
- g) Suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan yang diadakan atas permintaan ahli-ahli akan diadakan tidak lewat dari 15 hari selepas diterima permintaan tersebut.
- h) Sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ (setengah) dari jumlah ahli-ahli biasa cawangan yang membayar yurantahunan atau 3 kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Cawangan mesti hadir di dalam Mesyuarat Agung untuk mengesahkan perjalanannya.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

18. JAWATANKUASA CAWANGAN

- a) Satu Jawatankuasa Cawangan seperti berikut yang akan dikenali sebagai pemegang jawatan cawangan akan dilantik pada tiap-tiap tiga tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan iaitu:
 - (i) Seorang Pengerusi Cawangan.
 - (ii) Seorang Naib Pengerusi Cawangan.
 - (iii) Ahli Jawatankuasa biasa tidak kurang dari 5 orang dan tidak lebih 12 orang.
- b) Dilantik dengan kuasa, pandangan dan perkiraan pengerusi Cawangan:
 - (i) Seorang Setiausaha cawangan
 - (ii) Seorang Bendahari Cawangan
 - (iii) Seorang Ketua Wanita Niaga Cawangan
 - (iv) Tiga orang ahli Jawatankuasa Biasa
- c) Nama-nama jawatan (a) di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi tiga tahun sekali oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan termasuklah Pemeriksa Kira-Kira. Semua pemegang jawatan cawangan boleh dilantik semula setiap tiga tahun sekali dan (b) dilantik oleh Pengerusi Cawangan.
- d) Pekerjaan jawatankuasa cawangan ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian cawangan mengikut undang-undang Persatuan dan arahan-arahan Jawatankuasa Pusat dan Mesyuarat Perwakilan. Jawatankuasa cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan dan adalah cukup bilangan jika kehadiran setengah (1/2) daripada ahli-ahlinya. Setiausaha Cawangan akan memberi satu salinan peringatan mesyuarat tiap-tiap mesyuarat kepada Setiausaha agung tidak lewat daripada 14 hari selepas mesyuarat itu diadakan.
- e) Jawatankuasa cawangan boleh mengadakan mesyuarat pada bila-bila masa yang difikirkan perlu dan hendaklah menghantar setiap keputusan cawangan ke pusat.

19. TUGAS-TUGAS PEGAWAI CAWANGAN

- a) Pengerusi Cawangan dalam masa jawatannya akan menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung Cawangan dan semua Mesyuarat Jawatankuasa cawangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat.
- b) Naib Pengerusi cawangan akan memegang jawatan Pengerusi Cawangan semasa ketiadaannya.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- c) Setiausaha cawangan hendaklah menjalankan kerja-kerja cawangan mengikut undang-undang dan menjalankan perintah-perintah Mesyuarat Agung Cawangan dan Jawatankuasa cawangan. Ia bertanggung mengurus hal-hal surat menyurat dan menyimpan semua buku-buku kewangan. Dia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat cawangan dan membuat catatan-catatan. Dia hendaklah menandatangani semua cek-cek cawangan bersama-sama dengan Pengerusi cawangan dan Bendahari cawangan.
- d) Bendahari cawangan bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan cawangan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek cawangan bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha Cawangan.
- e) Ketua Wanita Niaga Cawangan bertanggungjawab sebagai penggerak kaum wanita niaga yang bertujuan mendidik seperti mengadakan pelbagai kursus juga kemahiran terutama mengenai kesihatan diri dan keluarga. Dengan kemahiran yang ada dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi keluarga.

20. KEWANGAN CAWANGAN

- a) Semua wang yang dikutip di cawangan-cawangan Persatuan hendaklah diagihkan seperti berikut:
 - 40% kepada PPPKMP pusat (Negeri).
 - 60% kepada PPPKMP Cawangan.
- b) Tahun kewangan Persatuan ini hendaklah bermula pada 01 Januari dan berakhir 31 Disember.
- c) Setiap cawangan dan Persatuan Gabungan hendaklah membayar Yuran Tahunan kepada PPKM Pahang sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja) dan bayaran Yuran itu hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya awal bulan Mac pada setiap tahun atau tidak lewat daripada 30 hari daripada tarikh persidangan Perwakilan Tahunan hendak diadakan seperti 2(f).
- d) Semua wang cawangan hendaklah di simpan di dalam mana-mana bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa cawangan dan kira-kira kewangan cawangan akan dikelolakan oleh Pengerusi Cawangan, Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan. Bendahari Cawangan adalah dibenarkan untuk menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih daripada RM300.00 pada satu-satu masa. Wang yang lebih daripada itu mestilah dimasukkan ke dalam akaun bank simpanan cawangan dalam tempoh 7 hari yang dibenarkan.
- e) Segala cek-cek atau penyata pengeluaran wang cawangan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Cawangan. Kerana ketiadaan Setiausaha





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

dan Bendahari Cawangan, maka bolehlah jawatankuasa cawangan melantik sesiapa sahaja di kalangan Ahli Jawatankuasa Cawangan sebagai pengganti untuk menurunkan tandatangan.

- f) Semua pembayaran lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) hendaklah dibayar menggunakan cek yang ditandatangani oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari cawangan.
- g) Perbelanjaan yang lebih daripada RM1000.00 (Ringgit Malaysia: seribu sahaja) bagi suatu masa tidak boleh dibayar tanpa merujuk terlebih dahulu kepada mesyuarat Jawatankuasa cawangan dan perbelanjaan yang melebihi RM2000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu sahaja) sebulan tidak boleh diluluskan tanpa kebenaran Mesyuarat Agung Cawangan seperti 11(d).
- h) Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan beserta dengan timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira mengikut undang-undang fasa 13 dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-Kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan kepada Mesyuarat Agung cawangan yang berikutnya dan salinan-salinannya hendaklah dihantar untuk makluman jawatankuasa pusat PPPKMP.
- i) Pemeriksa Kira-Kira Jawatankuasa Pusat (perkara 13 (b)) adalah berhak memeriksa kira-kira kewangan cawangan dari semasa ke semasa walaupun persatuan cawangan mempunyai Pemeriksa Kira-Kira Cawangan. Pemeriksa Kira-Kira Pusat hendaklah membuat laporan kepada jawatankuasa pusat PPPKMP berhubung dengan kedudukan kewangan persatuan cawangan yang telah diauditnya.
- j) Semua wang, buiku-buku dan lain-lain harta persatuan cawangan yang dipegang oleh mana-mana cawangan yang telah dibubarkan mesti dihantar segera oleh Setiausaha cawangan kepada Setiausaha Agung Pusat bersama-sama dengan penyata kira-kira sebagaimana yang diterangkan dalam perenggan (g) dan (h) bagi undang-undang 16.

21. PERUNTUKKAN-PERUNTUKKAN UMUM MENGENAI CAWANGAN

Di mana peruntukkan khas tidak di sebut di dalam perlembagaan ini bagi perkara-perkara berhubung dengan pentadbiran cawangan-cawangan Persatuan, undang-undang yang berkenaan mengenai pentadbiran ibu pejabat persatuan akan diikuti sejauhmana yang sesuai.

- a) Mesyuarat Agung Perwakilan dan Jawatankuasa Pusat akan memberi arahan-arahan kepada Mesyuarat Agung Cawangan dan Jawatankuasa Cawangan mengenai pentadbiran.





Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

22. PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda atau dibuat pindaan kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan dengan mendapat undi tidak kurang 4/5 dari jumlah ahli-ahli perwakilan. Perubahan-perubahan atau pindaan ke atas perlembagaan ini hanya boleh dijalankan berkuatkuasa mulai daripada tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

23. PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN HARTA

- a) Persatuan ini dibenarkan dari masa ke semasa untuk membuat perancangan bagi menaik taraf hidup ahli-ahlinya, mendapatkan peluang-peluang pelaburan, perniagaan daripada agensi-agensi kerajaan, swasta dan mana-mana syarikat atau agensi yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia.
- b) Persatuan ini dibenarkan membeli atau memiliki harta dengan lain-lain cara bertujuan menjadikannya aset seperti tanah untuk bangunan, pertanian, perusahaan atau untuk rumah kediaman juga lain-lain harta tetap sebagaimana yang dikehendaki atau difikirkan munasabah untuk tujuan meninggikan taraf hidup ahli-ahli dan kemajuan persatuan.
- c) Persatuan ini dibenar membeli atau memiliki atau menjual saham-saham, saham kerajaan atau saham-saham di Bursa Malaysia.
- d) Faedah saham-saham atau hasil-hasil dari penanaman modal (selain kepunyaan ahli-ahli) dalam menjayakan program 23(b) dan 23(c) di atas adalah kepunyaan Persatuan.
- e) Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan atau pelaburan tersebut akan digunakan semata-mata untuk membangunkan, memajukan dan menjalankan aktiviti-aktiviti Persatuan ini di mana tidak sebahagian pun wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah atau membayar bonus kepada sebarang ahli Persatuan ini. Sungguhpun begitu, peruntukkan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau pekerja Persatuan ini.

24. LARANGAN-LARANGAN

- a) Dilarang membuat kesalahan yang menyalahi undang-undang agama dan Negara di Pejabat atau bangunan Persatuan.
- b) Dilarang membuat atau mengadakan sebarang jenis perjudian di premis perniagaan ahli atau di pejabat Persatuan.







Perlembagaan

PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU PAHANG (2012)

- c) Persatuan dan ahli-ahlinya dilarang daripada mengambil bahagian atau memainkan peranan di dalam kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja Malaysia, 1959.
- d) Persatuan ini tidak boleh mempunyai apa-apa perhubungan atau penggabungan di luar Malaysia. tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Kerajaan Malaysia.
- e) Persatuan ini dilarang menjalankan sebarang bentuk perjudian samada dikhaskan kepada ahli-ahlinya atau tidak, atas nama persatuan atau pegawai-pegawainya atau jawatankuasanya.
- f) Semua ahli Jawatankuasa Pusat atau Ahli Jawatankuasa Cawangan serta lain-lain pegawai yang menjalankan tugas di dalam persatuan atau cawangan mestilah warganegara Malaysia.


Ditandatangani Oleh
MOHD GHAZALI BIN KHATIB PENDEK, PJK
Yang Dipertua


Ditandatangani Oleh
MOHD FOUZI BIN HASAN HASANUSI
Setiausaha Agung

